



Ahli Kumpulan UEM

UNTUK SIARAN SEGERA
(TERKINI: 11.30 pagi)

KENYATAAN MEDIA

1 APRIL 2025

INSIDEN KEBAKARAN PAIP SALURAN GAS DI PUTRA HEIGHTS: LALUAN SEAFIELD - SAUJANA PUTRA DI LEBUHRAYA ELITE DITUTUP KEPADA SEMUA KENDERAAN

Petaling Jaya, 1 April 2025 - Berikutan satu insiden kebakaran di Putra Heights berhampiran Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), laluan di antara Seafield hingga ke Bandar Saujana Putra kini ditutup untuk semua kenderaan sebagai langkah keselamatan.

Sehubungan dengan itu, pengguna yang menghala ke selatan akan dilencangkan ke Plaza Tol Seafield dan masuk semula ke Lebuhraya ELITE menerusi Plaza Tol Bandar Saujana Putra.

Manakala, pengguna yang menghala ke utara diarahkan keluar di Plaza Tol Bandar Saujana Putra dan masuk semula ke Lebuhraya ELITE menerusi Plaza Tol Seafield.

Pada masa yang sama, semua laluan masuk ke Lebuhraya ELITE menerusi Plaza Tol USJ dan Putra Heights juga ditutup kepada semua kenderaan sebagai langkah keselamatan.

Pengguna juga dinasihatkan supaya merancang perjalanan dan menggunakan aplikasi navigasi seperti Waze atau Google Map pada ketika ini.

Pengguna lebuh raya boleh menghubungi PLUSLine di 1800-88-0000 untuk mendapatkan bantuan atau melaporkan sebarang kecemasan. Anda juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini di Lebuhraya PLUS menerusi Aplikasi PLUS atau Pembantu Maya - PUTRI.

PLUS mengucapkan terima kasih atas perhatian dan kerjasama semua pengguna.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

| | |
|---|---|
| Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my | Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my |
|---|---|